



**KENYATAAN MEDIA
JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA
(JPPM)**

**KENYATAAN RASMI JPPM BERHUBUNG KENYATAAN MEDIA OLEH YB
AMIRA AISYA ABD AZIZ, TIMBALAN PRESIDEN PARTI *MALAYSIAN UNITED
DEMOCRATIC ALLIANCE* (MUDA)**

02 SEPTEMBER 2023, PUTRAJAYA

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) ingin merujuk kepada kenyataan media oleh Yang Berhormat Amira Aisyah Abd Aziz, Timbalan Presiden parti *Malaysian United Democratic Alliance* (MUDA) bertarikh 1 September 2023 mengenai dakwaan beliau disenarai hitam daripada memegang sebarang pertubuhan berdaftar. JPPM ingin menegaskan bahawa kenyataan tersebut adalah tidak tepat.

JPPM ingin menjelaskan bahawa tindakan yang dikeluarkan ke atas beliau adalah berikutan pembatalan pendaftaran Persatuan Ekonomi Merdeka (No. Pendaftaran: PPM002-10-03112017) melalui Notis yang dikeluarkan di bawah Seksyen 13(1)(c)(iv) pada 28 Oktober 2022 oleh Pendaftar Pertubuhan. Tindakan tersebut juga mengikat beliau di bawah Seksyen 49 dalam akta yang sama.

Sehubungan itu, JPPM ingin menegaskan bahawa tindakan yang telah dikeluarkan ini adalah berpandukan kepada segala proses siasatan dan undang-undang yang teratur serta berdasarkan kepada kuasa yang termaktub di dalam Akta Pertubuhan 1966 (Akta 832).

Sekian, Terima Kasih.

**JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA
KEMENTERIAN DALAM NEGERI
PUTRAJAYA**